

PERKEMBANGAN PULAU JAMBONGAN PASCAMERDEKA: 1963 - 2013

Development of Jambongan Island Post-Independence: 1963-2013

Risna Nirwana Shin Lee Jin

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,
88400, Kota Kinabalu, Sabah
shinleejin08@gmail.com*

Dihantar: 24 Feb 2024 / Diterima: 11 Sept 2024 / Terbit: 31 Disember 2024

Abstrak

Pulau Jambongan merupakan salah sebuah pulau yang terdapat di negeri Sabah dan menjadi sebahagian daripada daerah Beluran. Pulau Jambongan dianggap sebagai pulau yang terpinggir daripada arus pembangunan. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti perubahan corak pentadbiran atau politik di Pulau Jambongan selepas kemerdekaan dari tahun 1963 hingga 2013. Objektif kajian yang kedua pula pengkaji akan menghuraikan perubahan dalam aspek ekonomi atau sumber pendapatan masyarakat pulau semasa penjajahan dan selepas negara berjaya mencapai kemerdekaan. Seterusnya pengkaji akan merungkai perubahan dalam aspek sosial dan masyarakat di Pulau Jambongan selepas kemerdekaan (1963- 2013). Dalam melakukan kajian ini, bahan-bahan kajian yang menulis tentang Pulau Jambongan mempunyai bahan rujukan yang sangat terhad. Oleh itu, bagi mencapai objektif kajian, kaedah kualitatif telah digunakan dengan memberi fokus kepada pengumpulan data berdasarkan bentuk temu bual, pemerhatian di kawasan lapangan dan analisis dokumen serta barang tinggalan informan. Kaedah kajian yang utama iaitu kaedah lisan diikuti sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer merangkumi bahan-bahan daripada arkib dalam bentuk laporan, fail rasmi dan surat menyurat terdahulu. Sumber sekunder terdiri daripada buku-buku, sumber internet, akhbar dan artikel. Dapatkan awal kajian ini mendapati gaya hidup masyarakat Pulau Jambongan selepas kemerdekaan lebih banyak bergantung kepada usaha masyarakat sendiri dan hal ini telah menyebabkan berlakunya penghijrahan penduduk tempatan ke kawasan bandar yang menawarkan fasiliti yang lebih baik seperti pendidikan, kesihatan dan lain-lain. Kajian ini penting untuk dijadikan

Risna Nirwana Shin Lee Jin

usaha awal untuk mengangkat serta mempromosikan Pulau Jambongan agar mendapat perhatian dan diusahakan sama pentingnya seperti pulau-pulau lain di Malaysia.

Kata Kunci: Pulau Jambongan, Masyarakat Maritim, Sosioekonomi

Abstract

Jambongan Island is one of the islands found in the state of Sabah and is part of the Beluran district. Jambongan Island is considered an island that is marginalized from the current of development. The objective of this study is to identify changes in administrative or political patterns in Jambongan Island after independence from 1963 to 2013. The second objective of the study is that the researcher will describe the changes in economic aspects or sources during colonization and after the independence of Malaysia. Next, the researcher will unravel the changes in social aspects of Jambongan Island during independence (1963-2013). In conducting this study, the study materials that write about Jambongan Island have very limited reference materials. Therefore, in order to achieve the objectives of the study, qualitative methods used with a focus on data collection based on the form of interviews, field observations and analysis of documents and informal relics. The main research method is the oral method followed by primary sources and secondary sources. Primary sources include materials from the archives in the form of reports, official files and previous correspondence. Secondary sources consist of books, internet resources, newspapers and articles. The initial findings of this study look for the lifestyle of the people of Pulau Jambongan, various independence is more related to the efforts of the community itself and this has led to the migration of locals to urban areas that offer better facilities such as education, health and others. This study is important as an initial effort to lift and promote Jambongan Island to get attention and work as important as other islands in Malaysia.

Keywords: *Jambongan Island, Maritime Society, Socioeconomics*

Pengenalan

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti perkembangan Pulau Jambongan dengan meneliti berkaitan perubahan yang berlaku sebelum dan selepas negara Malaysia mencapai kemerdekaan. Kajian ini dijalankan bagi mengangkat sejarah Pulau Jambongan yang mempunyai sumber penulisan terhad berbanding dengan pulau-pulau lain di Malaysia khususnya di Sabah. Pulau-pulau di Sabah seperti Pulau Jambongan, Pulau Gaya, Pulau Mengalum, Pulau Mantanani, Pulau Mamutik, Pulau Sapi dan banyak lagi pulau di Sabah telah menjadi tumpuan kedatangan pihak penjajah sama ada untuk mengangkat isu ketamadunan manusia dengan membangunkan pulau tersebut dari aspek ekonomi, politik dan sosial ataupun hanya dijadikan sebagai satu kawasan tumpuan habuan sumber-sumber ekonomi iaitu bahan mentah semata-mata untuk kepentingan ekonomi pihak penjajah.

Kedudukan Pulau Jambongan adalah di bahagian pedalaman pantai utara negeri Sabah iaitu pulau ini terletak di Teluk Paitan dan menjadi sebahagian daripada daerah Beluran, bandar Sandakan. Ia mempunyai keluasan 44 batu persegi dan pulau yang kedua terbesar di Sabah selepas Pulau Banggi. Akan tetapi, ramai yang tidak tahu akan kewujudan Pulau Jambongan. Pulau berbentuk seperti ladam kuda ini mempunyai enam kampung iaitu Kg. Limau-Limau, Kg. Malalin, Kg. Hujung, Kg. Tawakal, Kg. Sharif, dan Kg. Bahanan yang mana didiami oleh penduduk yang majoritinya adalah dari suku kaum Bajau dan Suluk.

Walau demikian, tidak banyak yang diketahui mengenai Pulau Jambongan ini bahkan majoriti masyarakat Sabah tidak tahu akan kewujudannya. Penulisan serta kajian yang dijalankan terhadap pulau ini adalah sangat terhad tidak seperti pulau-pulau terkenal di Sabah sedangkan Pulau Jambongan ini juga mempunyai sejarah yang tersendiri semasa zaman pemerintahan Kesultanan Sulu dan zaman pemerintahan *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC). Pembangunan di Pulau Jambongan juga perlu dititikberatkan kerana berlakunya perkembangan secara pesat kesan kedatangan pihak British di pulau tersebut.

Permasalahan Kajian

Penyelidikan mengenai pulau-pulau di Sabah kebanyakannya tertumpu kepada pelancongan, geografi, dan sejarah masyarakat tempatan. Namun, kajian terperinci mengenai Pulau Jambongan amat terhad, meskipun pulau ini pernah menjadi tumpuan pentadbiran SABUB semasa penjajahan British. Kekurangan bahan bertulis menyebabkan banyak maklumat mengenai sejarah dan asal-usul pulau ini hanya diwarisi secara lisan, yang sering kali tidak lengkap. Ketiadaan informan yang hidup sebelum pemerintahan Jepun menambah cabaran dalam memahami sejarah awal pulau ini.

Dari aspek ekonomi, pengaruh penjajahan membawa perubahan dalam kaedah perikanan yang lebih efisien, meskipun pertanian kurang berjaya akibat serangan haiwan perosak. Walaupun pengenalan teknologi Barat membantu meningkatkan pendapatan penduduk untuk membayar cukai, masyarakat Pulau Jambongan masih mengekalkan kaedah tradisional dalam banyak aspek kehidupan. Aktiviti perikanan terus menjadi tunjang ekonomi, manakala hasil tangkapan didagangkan untuk mendapatkan keperluan lain dari kawasan darat.

Dalam aspek pendidikan, kekurangan penekanan terhadap pendidikan formal dan agama menyebabkan ramai penduduk buta huruf. Usaha kerajaan membina sekolah rendah di Pulau Jambongan telah memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk mendapatkan pendidikan asas, walaupun pelajar perlu melanjutkan pelajaran ke bandar Sandakan bagi peringkat menengah. Kajian ini bertujuan menjawab persoalan mengenai perubahan pentadbiran, amalan ekonomi tradisional, serta manfaat perubahan sosial pascamerdeka kepada masyarakat Pulau Jambongan dari 1963 hingga 2013.

Latar Belakang Pulau Jambongan

Terdapat beberapa pendapat yang berlainan mengenai asal usul nama Pulau Jambongan. Pendapat yang pertama adalah nama Jambongan berasal daripada perkataan “jambangan” yang bermaksud pemandangan bunga yang menarik serta tumbuh-tumbuhan yang bermacam-macam jenis yang ada di sekitar pulau tersebut (Hj. Mastari, 26 Julai 2019). Dengan itu, perkataan “jambangan” pada asalnya itu ditukar kepada nama Jambongan selepas penaklukan pihak British di pulau tersebut. Hal ini demikian kerana pihak British pada ketika itu

tidak dapat menyebut perkataan “jambangan” dengan sebutan yang betul malah mereka lebih cenderung untuk menyebut pulau tersebut dengan nama Jambongan. Setelah peristiwa tersebut, maka penduduk pulau ini pun terikut cara sebutan oleh pihak British iaitu Jambongan walaupun ada segelintir orang tua ataupun orang lama penduduk pulau ini masih menggunakan nama “Jambangan”.

Selain itu, pendapat yang kedua mengatakan bahawa nama “Jambangan” berubah kepada “Jambongan” kerana pada zaman dahulu pasukan keselamatan askar dan polis di pulau itu setiap kali membuat sesuatu laporan menggunakan komunikasi dalam talian mereka akan memanggil tempat ini sebagai Pulau Jambongan (Pak Mualip, 26 Julai 2019). Semenjak daripada itu nama “Jambangan” ditukarkan kepada “Jambongan”. Namun begitu, masih ada pendapat lain juga berkaitan nama Pulau Jambongan ini. Nama Pulau Jambongan berasal daripada satu peristiwa yang berlaku pada zaman British iaitu seorang Gabenor Inggeris telah mengadakan lawatan ke Pulau Jambongan dengan tujuan untuk memujuk kaum Bajau supaya tidak berpihak kepada pendekar Mat Salleh menentang Inggeris. Mereka membawa sejambang bunga untuk dihadiahkan kepada ketua kampung pada ketika itu. Sejak daripada peristiwa tersebut, pulau ini dinamakan sebagai Jambongan yang berasal daripada perkataan “jambang” (Ismail Ibrahim, 2013). Walau bagaimanapun, pulau ini kaya dengan tumbuh-tumbuhan yang menghijau maka tidak hairanlah sekiranya nama Pulau Jambongan ini diambil daripada perkataan jambangan bunga.

Penduduk Pulau Jambongan terdiri daripada suku masyarakat Suluk yang mendominasi 90 peratus daripada populasinya. Suluk merujuk kepada masyarakat Bajau yang berhijrah dari Kepulauan Sulu di selatan Filipina (Ismail Ibrahim, 2013). Masyarakat Suluk kebanyakannya beragama Islam dan mengamalkan peradaban-peradaban yang dituntut oleh Islam. Dengan itu, terdapat tujuh buah kampung di Pulau Jambongan iaitu Kampung Limau-Limauan, Kampung Malalin, Kampung Hujung, Kampung Sarip, Kampung Bahanan, Kampung Tawakkal dan Kampung Babago. Secara umumnya, masyarakat Suluk terbahagi kepada dua golongan utama iaitu golongan bangsawan yang dikenali dengan gelaran Syarif dan golongan orang biasa. Kedudukan dan pangkat memainkan peranan penting dalam masyarakat Suluk untuk menunjukkan ketamadunan masyarakat Suluk. Golongan Syarif dikatakan terdiri daripada masyarakat yang berdarah bangsawan dan mempunyai hubungkait keturunan dengan Sultan Sulu

satu ketika dahulu (Ismail Ibrahim, 2013). Sementara itu, golongan biasa kekal dengan panggilan Suluk. Golongan Syarif ini kebanyakannya tinggal di Kampung Sarip manakala yang berbangsa Suluk tinggal di kawasan-kawasan lain sekitar Pulau Jambongan. Namun begitu, kedua-dua kelompok ini hidup dengan harmoni dan saling membantu.

Menurut Hj. Abdul Rauf Bin Hj. Jalil, awal pembukaan pulau ini dipengaruhi oleh kuasa-kuasa ghaib yang dipercayai sebagai 'penjaga' pulau daripada dicerobohi oleh mana-mana pihak. Hj. Abdul Rauf juga memaklumkan bahawa datuk beliau iaitu Hj. Sidik telah berkomunikasi dengan makhluk halus yang berada dalam pulau ini sebelum dibenarkan membuka penempatan di Pulau Jambongan. Sebagai tambahan, sesi berkomunikasi tersebut juga melibatkan bomoh sebagai perantara dengan datuk informen. Hj. Sidik dikhabarkan telah membuka sebuah pelabuhan dan sebelum sampai ke Pulau Jambongan, kumpulan ini terdahulunya singgah di Pulau Libaran dan seterusnya ke Pulau Banggi. Faktor minat golongan ini yang lebih berfokus kepada kelautan dan kurang berminat dengan daratan (Hj. Abdul Rauf Hj. Jalil, 27 Julai 2019). Sebagai tambahan, Hj. Abdul Rauf Hj. Jalil juga menunjukkan sekeping gambar lama yang dikatakan sekumpulan individu yang bertanggungjawab membuka Pulau Jambongan ini (Foto 2).



Foto 1: Sekumpulan Individu yang Terlibat Dengan Pembukaan Pulau Jambongan

Sumber: Koleksi Hj. Abdul Rauf Hj. Jalil, 2019.

Menurut informen Tuan Haji Mastari, pada permulaan sejarah penjajahan pulau ini telah dijajah oleh Jepun pada tahun sekitar 1940-an. Pada masa tersebut, penduduk Pulau Jambongan sangat tidak senang dengan adanya penjajah Jepun di pulau ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak Jepun mengenakan cukai dan mengancam

*Perkembangan Pulau Jambongan
Pascamerdeka: 1963 – 2013*

keselamatan penduduk pulau ini. Sekiranya penduduk kampung ingkar arahan pihak Jepun, maka pihak Jepun akan mengambil tindakan untuk membunuh dengan cara yang sangat kejam (Hj. Mastari, 26 Julai 2019).

Antara peristiwa yang diceritakan oleh informen adalah pihak Jepun telah membunuh salah seorang penduduk kampung dengan cara memenggal kepala dengan menggunakan pedang kerana enggan membayar cukai yang dikenakan. Diceritakan bahawa kejadian tersebut amat merisaukan dan keselamatan penduduk Pulau Jambongan sangat terancam. Oleh hal demikian, penduduk Pulau Jambongan mengambil inisiatif untuk meminta bantuan daripada pihak British. Pejuang-pejuang Pulau tersebut seperti Hj. Abdul Razak dan Tun Mustapha pergi ke Pulau Tawi-Tawi untuk bertemu dengan Kurnio Suariez yang merupakan ketua British di Pulau Tawi-Tawi, Filipina.

Selepas itu, pihak British ingin meminta bukti yang kukuh tentang adanya pihak Jepun bertapak di Pulau Jambongan dan mereka mengancam keselamatan penduduk. Hj. Abdul Razak dan Tun Mustapha mengambil keputusan untuk pulang ke Pulau Jambongan untuk mencari bukti yang kukuh dan membawanya kepada pihak British. Hasil perbincangan Hj Abdul Razak dan Tun Mustapha, mereka akan mencari bukti dengan cara berusaha untuk memenggal kepala askar Jepun sebagai bukti adanya Jepun bertapak di Pulau Jambongan. Selepas tempoh dua bulan, Hj. Abdul Razak dan Tun Mustapha mengambil keputusan untuk pergi semula ke Pulau Tawi-Tawi dengan membawa kepala askar Jepun sebagai bukti supaya pihak British percaya akan usaha pejuang-pejuang Jambongan untuk meminta bantuan mereka menentang Jepun.

Setelah itu, Hj. Abdul Razak dan Tun Mustapha membuat perjanjian dengan pihak British yang mana pihak British sudi memberi bantuan berbentuk senjata perang kepada penduduk Pulau Jambongan. Empat bulan selepas itu, pihak British pun datang ke Pulau Jambongan dengan menghantar bantuan alat perang melalui jalan udara dengan menggunakan kapal terbang tentera British. Selepas daripada itu tentera British pun datang ke Jambongan untuk bekerjasama dengan penduduk tempatan menentang Jepun. Pihak penjajah Jepun di Jambongan pula mendapat bantuan daripada negara Jepun dan berlakulah perperangan di antara Jepun dengan British. Peristiwa perperangan tersebut dapat dibuktikan dengan adanya dua buah kapal perang Jepun yang musnah di laut Pulau Jambongan yang masih ada

sehingga sekarang. Setelah pihak Jepun kalah dan berundur maka pihak British telah bertapak di Pulau Jambongan. British bertapak di Jambongan sehingga akhir tahun 1950-an seterusnya mereka pulang ke tempat mereka dan Pulau Jambongan bebas daripada jajahan pihak luar (Hj. Mastari, 26 Julai 2019).

Sebagai tambahan, menurut bekas Ketua Kampung Pulau Jambongan, Hj. Abdul Rauf Bin Hj. Jalil, penjajahan Jepun dianggap sebagai satu corak pemerintahan yang teruk. Pihak Jepun bertindak dengan sesuka hati tanpa menghiraukan keadaan masyarakat tempatan. Misalnya pihak Jepun merampas sesuka hati haiwan-haiwan ternakan penduduk kampung dan dinaikkan ke atas kapal mereka. Di samping itu, sesiapa yang tidak mengikut arahan, akan dikenakan hukuman dengan memotong kepala yang dianggap pesalah tersebut. Hal ini juga dapat dilihat kuasa British sebagai sebuah entiti yang dianggap sebagai ‘penyelamat’ penduduk kampung. Kedatangan British secara tidak langsung telah berjaya menewaskan kuasa Jepun dengan bantuan orang-orang kampung. British membekalkan senjata dan kapal terbang sebagai alat-alat perang utama dalam menewaskan kekuasaan British di Borneo Utara secara umumnya dan Pulau Jambongan secara khasnya (Hj. Abdul Rauf Bin Hj. Jalil, 27 Julai 2019).

Sejarah Pentadbiran dan Perkembangan Ekonomi di Pulau Jambongan Pascamerdeka: 1963 – 2013

i. Keadaan Politik di Pulau Jambongan Pascamerdeka

Politik di Pulau Jambongan selepas kemerdekaan dimulai dengan parti politik iaitu USNO semasa awal kemerdekaan di Sabah. USNO atau Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu adalah sebuah parti politik yang berpusat di Sabah dan diasaskan oleh Tun Datu Mustapha Datu Harun juga selaku Ketua Menteri yang ketiga Sabah. Semasa pentadbiran USNO di Sabah, Pulau Jambongan diketuai oleh ketua kampung sebagai ketua pentadbiran. Ketua kampung berperanan menjadi orang tengah antara pihak penjajah dengan penduduk tempatan dalam urusan-urusan pentadbiran dan ekonomi masyarakat di Pulau Jambongan. Menurut Hj. Mastari, ketua kampung lebih jelas peranannya dalam urusan-urusan berkaitan adat setempat seperti yang paling signifikan segala urusan yang berkaitan dengan perkahwinan. Adat-adat tersebut perlu dihormati dan diikuti secara turun temurun asalkan tidak bertentangan dengan landasan utama dalam ajaran agama Islam.

*Perkembangan Pulau Jambongan
Pascamerdeka: 1963 – 2013*

Betitik tolak daripada itu, ketua kampung di Pulau Jambongan juga bekerja sebagai pengutip cukai sepanjang era penjajahan berlangsung.

Namun begitu, menurut Encik Hashimudin, ketua kampung pada ketika itu tidak menerima sebarang bayaran atau upah daripada pihak penjajah. Individu-individu yang enggan membayar cukai dikenakan hukuman yang berat sehingga boleh mengorbankan nyawa mereka. Kekerasan tersebut begitu ketara semasa berlakunya pemerintahan Jepun pada tahun 1942 sehingga 1945.

“... di zaman USNO memang ketua kampung yang digelar sebagai OT.” (Komunikasi Peribadi, Jandah@Hassan, 26 Julai 2019)

“Dulu masa BERJAYA, ketua kampung merangkap JKK. Jadi apa-apa masalah ketua kampung yang bertanggungjawab. Apabila kerajaan PBS, sudah pindah lagi undang-undang. Ketua kampung tukar jadi jawatan JKK. Wakil ketua negeri dia dibawah jagaan ketua anak negeri. Dulu tidak ada. Ketua negeri seja. Tidak ada wakil dia. Start zaman PBS seja ada wakil setiap kampung, sehingga hari ini. apa-apa ketua kampung tidak dapat selesaikan dia serahkan kepada wakil anak negeri. Lepas tu bincang dulu dengan ketua daerah kemudian wakil anak negeri. Bukan lagi ketua kampung.” (Komunikasi Peribadi, Hj. Abdul Rauf Bin Hj. Jalil, 27 Julai 2019)

Pada zaman awal pascamerdeka, jawatan ketua kampung ini telah mengalami perubahan dan mereka dikenali dengan gelaran atau panggilan Orang Tua (OT). Gelaran tersebut diberikan pada zaman pemerintahan kerajaan USNO (Tony Paridi Bagang, Asri Salleh, 2019). Jawatan Orang Tua ini kemudiannya diberikan upah atau elauan sedikit demi sedikit oleh pemerintah USNO. Seterusnya, gelaran Orang Tua digantikan dengan Jawatankuasa Kampung (JKK) semasa pemerintahan BERJAYA yang diketuai oleh Datuk Harif Salleh. Jawatankuasa Kampung telah dijenamakan semula kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung bagi mengurus pengurusan dan pembangunan kampung yang mana akan diketuai oleh Ketua Kampung atau Pengerusi MPKK. Perubahan dalam sistem politik atau pentadbiran di Pulau Jambongan menjadi lebih sistematik dari semasa ke semasa di mana Majlis Pengurusan Komuniti

Kampung (MPKK) telah diwujudkan untuk bekerjasama dengan ADUN untuk terus menjaga kebajikan masyarakat Pulau Jambongan.

ii. Perkembangan Ekonomi Pulau Jambongan Pascamerdeka

Sumber ekonomi utama masyarakat Pulau Jambongan pascamerdeka adalah dalam sektor perikanan. Hasil laut seperti ikan kering, sotong, dan udang juga diusahakan sebagai produk jualan. Masyarakat Pulau Jambongan menggunakan Bujak secara tradisionalnya bagi mendapatkan hasil-hasil lain seperti ikan. Bujak yang digunakan pada masa terdahulu dijadikan sebagai salah satu harta pusaka yang masih dijaga dengan rapi sehingga kini. Bujak adalah sebatang kayu lurus yang mempunyai satu mata tajam di bahagian hujungnya yang diperbuat daripada bahan-bahan semula jadi seperti kayu bakau sebagai batang kayu yang juga dikenali sebagai tangkai dan tulang ikan paus atau logam sebagai mata di bahagian hujung (Ismail Ali, 2009). Menurut informen Encik Jandah @ Hassan, bujak dan serampang digunakan oleh masyarakat tradisional dalam mendapatkan hasil laut untuk dijadikan lauk di rumah. Bujak merupakan antara peralatan perikanan yang terawal yang digunakan di Pulau Jambongan (En. Jandah@Hassan, 26 Julai 2019).



Foto 2: Harta Pusaka iaitu Bujak yang dimiliki oleh Haji Ali Matar Bin Haji Abdul Razak

Sumber: Koleksi Peribadi Haji Ali Matar Bin Haji Abdul Razak, 2019.

Selain daripada Bujak masyarakat di Pulau Jambongan juga menggunakan kelong untuk menangkap ikan. Penangkapan ikan menggunakan kaerah ini memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang mendalam terhadap ciri-ciri fizikal laut dan habitat ikan. Selain itu, kesesuaian lokasi pemasangan kelong juga amat penting dalam menentukan kuantiti dan kualiti ikan yang ditangkap. Sehubungan itu,

kaedah ini berfungsi untuk memerangkap ikan selepas ikan masuk melalui pintu masuk yang dipasang oleh para nelayan. Kaedah ini akan menjadikan ikan tidak dapat keluar daripada kurungan maut tersebut sehingga dituai hasilnya oleh para nelayan. Antara spesies ikan yang dapat diperoleh dengan menggunakan kaedah ini ialah ikan putih, ikan merah, belais, ketambak, kurau, pari, sotong kelabutan, sembilang dan lain-lain lagi. Akan tetapi kaedah ini kurang dilaksanakan kerana para nelayan lebih memilih untuk menangkap ikan menggunakan bot.

Di samping itu, selambau juga menjadi salah satu pilihan masyarakat di Pulau Jambongan untuk mendapatkan hasil kelautan. Kebiasaanya masyarakat akan menjahit sendiri selambau tersebut dan ada yang dijual kepada nelayan-nelayan lain. Struktur binaan selambau terdiri daripada dua benda utama iaitu sebidang pukat dan sebuah pelantar. Sementara itu, bahan binaannya terdiri daripada benang kasar, kayu bakau, daun kelapa dan tali besar yang dikenali sebagai bayan. Sebagai tambahan, untuk menarik perhatian ikan, nelayan akan meletakkan unjam daun kelapa di bahagian atas pukat selambau (Ismail Ali, 2009). Apabila ikan telah berada di bahagian tengah pukat, isyarat akan diberikan agar nelayan menarik pukat selambau secara serentak. Antara ikan-ikan yang biasanya diperolehi adalah seperti basung, rumahan, bilis dan pelbagai lagi jenis ikan.

Pembangunan industri perikanan di Sabah semasa pentadbiran Kerajaan Sabah telah memperlihatkan komitmen dan campur tangan pihak kerajaan secara langsung dan lebih luas berbanding dengan zaman sebelum mencapai kemerdekaan. Hal ini mampu dibuktikan apabila Kerajaan Sabah telah memisahkan Jabatan Perikanan Sabah daripada Jabatan Pertanian pada tahun 1968 (Akta Perikanan 1963 No. 8). Secara langsung telah membolehkan Jabatan Perikanan Sabah merancang dan mengimplementasikan program-program pembangunan industri perikanan di Sabah dengan lebih berkesan dan tersusun. Selain perikanan, masyarakat tempatan di Pulau Jambongan juga bergantung kepada pertanian kecil-kecilan seperti penanaman kelapa, pisang, dan ubi kayu untuk keperluan harian serta jualan tempatan. Menurut Hj. Mastari, salah satu penjanaan utama ekonomi masyarakat dahulu adalah isi buah kelapa yang dikeringkan yang dipanggil sebagai kopra. Kopra dihasilkan melalui isi buah kelapa yang dikeringkan dan dijual kepada kawasan-kawasan sekitar pulau.

"Pada tahun 60-an, kebanyakan masyarakat sini menanam pokok kelapa. Kelapa itu daripada hujung sana sampai sini. Ada tukang galahnya. Dulu orang buat kopra. Dikupas dahulu kemudian dibelah dan dijemur. Dijual ke Sandakan atau Kudat. Dalam 1 pikul dianggarkan dalam RM30" (Komunikasi Peribadi, Hj. Mastari, 26 Julai 2019)

"Dulu kelapa mahal kalau buat kering. Itu yang dipanggil kopra itu. Kalau jual biji-biji dulu murah tapi kalau dibuat kering mahal tapi sekarang pula terbalik. Kalau biji-biji mahalkan. RM2.50, RM3 di Sandakan. Tiada sudah di kasih kering dijual saja. Mahal daripada dikasih kering lagi penat lepastu dibuka isinya baru dijemur. Bagus beli apa jual bulat-bulat perbezaan dulu dengan sekarang" (Komunikasi Peribadi, En. Hashimudin, 26 Julai 2019).

Namun begitu, penjualan kopra sudah tidak dilaksanakan kerana permintaannya yang rendah dan kos proses pengeringan yang tinggi tidak menguntungkan.

Aktiviti perdagangan juga dijalankan di pulau ini bagi mendapatkan pulangan atau tukaran barang daripada kawasan darat. Menurut Encik Jandah @ Hassan, aktiviti perdagangan dijalankan bermula selepas zaman pentadbiran British.

...70-an dan 80-an. Saya pernah juga terlibat sendiri dengan sistem barter itu, saya bawa ikan ke Paitan. Kan rumah dorang ditepi sungai. kalau dia tanya juga kami tiada duit, dulu ada duit dipanggil lous, duit itu macam duit syarikat macam cek begitulah kmi tidak mau terima, susah tukar. Jadi sistem barter lah paling senang. Orang dulu pakai satu surat, satu tin itu lebih kurang satu kati ikan, dulu kati dia punya sebutan. Tukar barang satu surat ubi tukar dengan satu kati ikan atas perundingan ada juga ikan yang banyak dia punya kelas yang rendah. Kalau macam ikan pari itu, kita bagi dua tiga ekor ikan tidak payah ditimbang, bagi main pajak pakai ekor. Buah-buahan pun atas perundinganlah. Setiap tempat tidak sama, tidak ada

dia punya harga siling (Komunikasi Peribadi, En. Jandah@Hassan, 26 Julai 2019).

Pada awalnya, sistem barter diamalkan kerana dianggap lebih mudah oleh masyarakat kampung. Penggunaan mata wang hanya tertumpu kepada syarikat besar dalam meniagakan barang dagangan yang bawa masuk oleh pedagang asing ke Pulau Jambongan. Mata wang digunakan oleh golongan atasan atas urusan-urusan yang melibatkan perdagangan antara syarikat sesama syarikat. Akan tetapi, mata wang mula mendapat perhatian oleh penduduk tempatan apabila wujudnya urusniaga penjualan emas yang dibawa oleh pedagang luar ke pulau ini. Hal ini secara tidak langsung telah meningkatkan penggunaan mata wang sehingga ke hari ini.

Di samping itu, penanaman sawit merupakan salah satu industri perkilangan yang ada di Pulau Jambongan. Permulaan kepada industri penanaman sawit adalah pada tahun 2004 (Hj. Ali Matar, 27 Julai 2019). Syarikat yang berjaya membuka kilang sawit di Pulau Jambongan adalah Syarikat Genting Plantations Sdn. Bhd. Individu yang bertanggungjawab yang mengumpulkan peneroka yang mempunyai geran tanah dalam kawasan yang ingin diterokai oleh kilang untuk dijualkan geran tersebut kepada pihak kilang adalah Hj. Abdul Rauf dan Hj. Matar. Selain daripada Genting Plantations Sdn. Bhd., terdapat juga syarikat-syarikat sebelumnya seperti Sime Darby dan Tabung Haji yang berhasrat untuk membuka kilang di kawasan tersebut tetapi tidak berjaya. Oleh itu, dengan adanya ladang dan kilang sawit ini secara tidak langsung telah membuka banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Kaedah ini juga telah membantu meningkatkan kadar pendapatan dan ekonomi penduduk setempat.

iii. Perkembangan Sosial Pulau Jambongan Pascamerdeka

Dari aspek pendidikan, pelbagai usaha telah dirancang untuk mewujudkan ruangan belajar dan proses pembelajaran, agar anak Pulau Jambongan mampu meningkatkan potensi diri masing-masing untuk memiliki ilmu pengetahuan, ilmu keagamaan, kecerdasan, akhlak mulia, serta melahirkan individu-individu berketerampilan yang diperlukan. Kesan daripada usaha yang dilakukan, Pulau Jambongan telah mempunyai tiga buah sekolah rendah iaitu Sekolah Kebangsaan Jambongan, Sekolah Kebangsaan Malalin, dan Sekolah Kebangsaan

Limau-Limauan. SK Jambongan, yang dibuka pada 1965, merupakan sekolah utama dengan kemudahan asrama dan perumahan guru (Komunikasi Peribadi Encik Hashimudin, 26 Julai 2019). Encik Amir Ali iaitu seorang kontraktor yang berasal daripada Kampung Bokara, Sandakan dan dengan kerjasama daripada masyarakat kampung telah terlibat dalam pembinaan bangunan sekolah ini.

Selain itu, sebuah madrasah iaitu Madrasah Darul Sunnah (MADS) telah ditubuhkan pada 2016 untuk menyediakan pendidikan agama secara percuma kepada kanak-kanak dan dewasa (MADS, 2018). MADS turut menjalankan misi kebajikan dan dakwah, membantu masyarakat setempat melalui program pendidikan, bantuan untuk anak-anak asnaf, serta sokongan kepada golongan miskin dan mangsa bencana. Madrasah ini memainkan peranan penting dalam menyebarkan ajaran Islam dan memperbaiki pemahaman agama di kawasan pedalaman Pulau Jambongan dan Sabah secara keseluruhannya.

Malah penubuhan dan proses menaiktaraf kemudahan klinik kesihatan terutamanya di bahagian luar bandar perlu mendapat perhatian daripada pihak kerajaan. Kemudahan-kemudahan untuk para pesakit perlu dilengkapkan dan tidak hanya tertumpu kepada hospital ataupun klinik kesihatan bahagian bandar-bandar sahaja. Sebelum penubuhan klinik kesihatan di Pulau Jambongan, para penduduk Pulau Jambongan akan pergi ke Hospital Beluran dan Hospital Sandakan untuk melakukan pemeriksaan kesihatan dan mengendalikan urusan berkaitan kesihatan diri sendiri dan keluarga. Klinik Kesihatan Jambongan ditubuhkan berdekatan dengan SK Jambongan, pondok polis, dan kem tentera bagi memudahkan penduduk pulau mendapatkan rawatan awal sekiranya mendapati tanda-tanda awal yang boleh menjelaskan kesihatan. Selepas daripada itu, Klinik Desa Malalin dibangunkan Jambongan pada tahun 2014 sebagai tanda wakil rakyat peduli akan kebajikan penduduk sekitar Pulau Jambongan. Sebagai tambahan, kem kesihatan juga dibangunkan dan dilancarkan oleh Komander Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Sandakan Laksamana Pertama Ahmad Abdullah di atas kapal Diraja Sri Tiga berlabuh di Jeti Operasi Pangkalan TLDM di Sandakan ini telah memberikan seramai 500 penduduk Kampung Jambongan peluang mendapatkan pemeriksaan kesihatan percuma (Iswadiman Shamsuddin, 2016). Program ini bertujuan memastikan penduduk luar bandar turut mendapat perkhidmatan pemeriksaan kesihatan terutamanya saringan penyakit tidak berjangkit. Kem kesihatan ini dijalankan setiap tahun untuk

*Perkembangan Pulau Jambongan
Pascamerdeka: 1963 – 2013*

meningkatkan kesedaran masyarakat setempat dalam mengawasi kejadian penyakit tidak berjangkit (ARM, 2014).

Dari segi bekalan elektrik, sebelum terdapat bantuan bekalan elektrik daripada pihak kerajaan, masyarakat di kampung Pulau Jambongan hanya menggunakan lilin dan lampu pelita. Bekalan elektrik di Pulau Jambongan dihasilkan menggunakan sistem solar. Sistem solar adalah antara usaha kerajaan untuk memberikan keselesaan hidup kepada penduduk kampung Pulau Jambongan. Setiap rumah dibekalkan dengan satu sistem solar. Kerajaan telah membelanjakan lebih kurang sepuluh ribu Ringgit Malaysia untuk sebuah rumah bagi membiayai kos membekal dan memasang alat tersebut. Penggunaan elektrik hanya pada sebelah malam, manakala pada waktu siang, tidak ramai yang akan menggunakan tenaga elektrik. Namun begitu, terdapat beberapa sistem solar yang dibekalkan oleh pihak kerajaan ini sudah tidak berfungsi lagi. Oleh itu, penduduk kampung lebih selesa menggunakan alat janakuasa untuk mendapatkan bekalan tenaga elektrik di rumah masing-masing (Norhisam Hashimudin, 13 Julai 2020).



Foto 3: Sistem Solar di SK Malalin
Sumber: Koleksi Penyelidik.

Pantang Larang Pulau Jambongan

Sekiranya seseorang mengunjungi Pulau Jambongan, terdapat pantang-larang khusus telah ditetapkan oleh masyarakat. Pantang larang tersebut adalah, tidak boleh membakar tangkapan laut iaitu kima, udang, ketam dan belangkas untuk dimakan. Walaupun begitu, sekiranya semua hidupan laut itu direbus atau dimasak terlebih dahulu sebelum ianya dibakar, ianya tidak mendatangkan masalah (Juzaimie Jazlan, 2016). Menurut Ketua Kampung Hujung iaitu Hj. Abdul Rauf Jalil, sesiapa sahaja pengunjung ke Pulau Jambongan perlu mematuhi pantang larang ini untuk menjauhi daripada diganggu oleh makhluk halus yang di dakwa makhluk halus yang telah memeterai perjanjian dengan penduduk ketika mereka membuka kampung ini. Mengikut kepercayaan penduduk Pulau Jambongan, empat makhluk inilah yang menjaga empat hidupan laut iaitu kima, udang, ketam dan belangkas di perairan pulau tersebut. Sesiapa yang melanggar pantang larang ini dipercayai akan mendapat musibah iaitu sakit antara seminggu hingga 10 hari.

Masyarakat pulau ini percaya bahawa sekiranya individu yang melanggar pantang-larang ini sakit dan diubati oleh bomoh atau dukun, pelbagai permintaan akan dimohon oleh makhluk tersebut. Biasanya mereka akan menyembelih haiwan berkaki empat sebagai pemberian (*offering*) di mana darah haiwan ini akan diberikan kepada Jin dan daging haiwan tersebut akan dimakan semasa majlis kenduri kesyukuran. Hj. Abdul Rauf Jalil mendakwa bahawa masih ada individu yang mengalami sakit seperti demam berpanjangan kerana melanggar pantang-larang, termasuk dalam kalangan anggota tentera yang bertugas menjaga keselamatan di pulau ini (Hj. Abdul Rauf Bin Hj. Jalil, 27 Julai 2019).

Penduduk kampung ini juga masih melakukan amalan tradisional seperti upacara ritual iaitu menyembelih haiwan sebagai pemberian (*offering*). Sebelum sesiapa melakukan kerja pembangunan, setiap pihak yang memasuki pulau ini perlu menyembelih seekor binatang berkaki empat seperti lembu atau kambing. Sekiranya pihak ini tidak mengikuti pantang larang ini, pihak mereka akan menghadapi kesusahan dalam tempoh tiga hari. Walaupun aktiviti pembangunan yang dilakukan hanyalah seperti menumbangkan kayu balak atau membuka kawasan untuk tujuan perladangan, upacara ini mesti dilakukan.

Selain itu, sekiranya pihak yang hendak memberi pemberian (*offering*) kepada makhluk halus ini menyembelih haiwan dua kaki sahaja, upacara penyembelihan ini tidak diterima. Menurut Encik Abdul Rauf, penduduk dan pihak terbabit akan melakukan majlis doa selamat selepas aktiviti penyembelihan dijalankan. Beliau juga menyatakan bahawa terdapat sebuah syarikat kilang sawit sebelum ini sering mengalami masalah khususnya kerosakan jentera kilang kerana tidak melakukan aktiviti penyembelihan ini. Akan tetapi, selepas melakukan penyembelihan ini, operasi kilang berjalan dengan lancar.

Sekiranya terdapat individu yang sakit, selain daripada upacara penyembelihan, individu tersebut juga boleh disembuhkan melalui upacara perubatan tradisional iaitu upacara “Magjin” yang berasal daripada perkataan Suluk yang bermaksud upacara pemujaan jin. Upacara ini akan dilaksanakan dengan aktiviti tarian diiringi oleh mainan alat muzik tradisional dan pemberian makanan pemujaan jin. Aktiviti tarian ini akan dilakukan oleh bomoh semasa sesi rawatan dijalankan. Bomoh akan menyediakan tujuh jenis kuih, tujuh jenis warna penyaram, dan tujuh warna kain sebagai bendera pemujaan semasa upacara ini (Norazam Hashimudin, 2017).

Kesimpulan

Kajian ini membincangkan perkembangan Pulau Jambongan dari aspek politik, ekonomi, dan sosial pasca merdeka (1963–2013), dengan menekankan kepentingan pembangunan bagi pulau yang terpinggir agar setaraf dengan kawasan lain di Sabah. Kajian ini memperincikan dapatan seperti perubahan politik melalui penstrukturran pentadbiran, perkembangan ekonomi berdasarkan perikanan, serta perubahan sosial yang dipacu oleh pendidikan dan penyebaran agama Islam. Kajian ini mendapati bahawa masyarakat Pulau Jambongan telah beradaptasi dengan pelbagai cabaran termasuk kekurangan infrastruktur seperti elektrik dan air bersih. Walaupun terdapat kekangan, penduduk tempatan mengambil inisiatif sendiri membina kemudahan seperti madrasah, jeti, dan memperkuat keselamatan melalui rondaan rukun tetangga. Hal ini menonjolkan sikap mandiri masyarakat dalam membangunkan komuniti mereka tanpa sepenuhnya bergantung kepada bantuan kerajaan.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

- Ismail Ali. (2009). *Perkembangan Teknologi Menangkap Ikan di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Ismail Ibrahim, Mohammad Azareen Aminullah, Humin Jusilin, Mohammad Pu'ad Debit dan Zaimie Sahibil. (2013). *Warisan Seni dan Budaya Masyarakat Kepulauan Pesisir Sabah*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Madrasah Darul Sunnah. (2018). *Profile Pengenalan Eksekutif Madrasah Darul Sunnah*. (Tidak Diterbitkan).
- Maslijan Abul Rasad. (2012). *Majalah Dewan Budaya Keluaran November 2012*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Jirey Kumalah, Gusni Saat, Jabil Mapjabil, Rosazman Hussin, Teuku Afrizal dan Mustapa Abu Talip. (2015). Kearifan Tempatan dan Potensinya Sebagai Tarikan Pelancongan Berasaskan Komuniti: Kajian Kes Komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani, Sabah. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*. 11(12): 112-128.
- Norazam Hashimudin. 2017. Penulisan Sejarah Pulau Jambongan. (Tidak Diterbitkan).
- Gabongan. (1982). *Phase II Report Development of Pulau Jambongan*. Kerajaan Negeri Sabah: Unit Perancang Ekonomi Sabah.
- Tony Paridi Bagang dan Asri Salleh. (2019) Krisis Politik Sabah Pasca Pilihan Raya Umum Ke-14, Kota Kinabalu: Universiti Teknologi MARA, Kampus Sabah.
- Tregonning, K.G. (2007). *Under Chartered Company Rule: North Borneo 1881-1946*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Laman Sesawang

- Arm. (2014). *Penduduk Pulau Jambongan Berpeluang Mendapat Pemeriksaan Kesihatan Percuma*. Dalam, <https://beritasandakanfm.wordpress.com/2014/02/21/21-02-2014>. Diakses 23 Julai 2020.
- Ismail Ali. (2017). *Sejarah Pentadbiran Awal di Sabah*. Dalam, <https://www.utusanborneo.com.my/sabah>. Diakses pada 20 Julai 2020.
- Iswadiman Shamsuddin. (2016). *Aset Anggota Keselamatan di Pulau Jambongan Perlu Ditambah*. Dalam, <https://beritasandakanfm.wordpress.com/2016/05/11/4-5->

*Perkembangan Pulau Jambongan
Pascamerdeka: 1963 – 2013*

2016-aset- anggota-keselamatan-di-pulau-jambongan-perlu-ditambah/. Diakses pada 23 Julai 2020.

Juzaimie Jazlan. (2016). *Pulau Jambongan Banyak Pantang Larang. Dalam,* www.bharian.com.my/bhplusold/2016/05/154756/pulau-jambongan-banyak-pantang-larang. Diakses pada 20 Julai 2020.

Informen

Hashimudin Bin Abdul Mahid. 61 Tahun. Wakil Ketua Anak Negeri. Perbincangan Mengenai Pulau Jambongan Pascamerdeka. 26 Julai 2019.

Hj. Abdul Rauf bin Haji Jalil. 77 Tahun. Bekas Ketua Kampung (BERJAYA-UMNO). Perbincangan Mengenai Pulau Jambongan Pascamerdeka. 27 Julai 2019.

Hj. Ali Matar Bin Hj. Abdul Razak. 74 Tahun. Bekas Wakil Ketua Negeri (UMNO), Sekarang Imam Rawatib Kg. Bahanan. Perbincangan Mengenai Pulau Jambongan Pascamerdeka. 27 Julai 2019.

Hj. Mastari Bin Hj. Abdul Razak. 63 tahun. Bekas Tentera Polis 1969 – 2004. Perbincangan Mengenai Pulau Jambongan Pascamerdeka. 26 Julai 2019.

Jandah @ Hassan Bin Kasui. 50 Tahun. Guru Besar SK Malalin. Perbincangan Mengenai Pulau Jambongan Pascamerdeka. 26 Julai 2019.

Mohammad Hasan Bin Harun. 65 tahun. Nelayan dan Pembuat Perahu. Perbincangan Mengenai Pulau Jambongan Pascamerdeka. 27 Julai 2019.

Norhisam Hashimudin. 23 Tahun. Pelajar. Perbincangan Mengenai Pulau Jambongan Pascamerdeka. 13 Julai 2020.